

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KAMPUS SAMARAHAN

**KAJIAN KEBERKESANAN PENSWASTAAN DI SEKTOR
PERKHIDMATAN AWAM**
Kajian Kes: Hospital Umum Sarawak

DISEDIAKAN OLEH

Mohamad Suffian Bin Saidi	98065775
Siti Rahmat Bt Jedi	97042709
Rahmah Bt Nahrawi	98065830
Erma Fatima Bt Ahmad	98195864
Norlizawani Bt Ahmad Garan	98065816

**Kajian ini dijalankan bagi melengkapi keperluan kursus Diploma
Pentadbiran Awam.**

**FAKULTI PENTADBIRAN & UNDANG-UNDANG
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM
Mei 2001**

KANDUNGAN**Muka Surat****SURAT PENYERAHAN****SENARAI RUJUKAN RAJAH***I***PENGHARGAAN***II***ABSTRAK***IV***BAB 1 PENGENALAN KAJIAN**

1.1	Latar belakang Kajian	1
1.2	Penyataan Masalah	6
1.3	Objektif Kajian	7
1.4	Hipotesis Kajian	8
1.5	Skop Kajian	8
1.6	Andaian	9

BAB 2 KAJIAN LITERATURE 11**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Sumber Data	21
a)	Data Primer	
b)	Data Sekunder	
3.2	Sampel Kajian	23
3.3	Teknik Persampelan	23
3.4	Saiz Sampel	24
3.5	Analisa Data	25

ABSTRAK

Dalam era pembangunan yang dipelopori sejak negara mencapai kemerdekaan, fungsi sektor perkhidmatan awam telah mengalami perubahan yang dinamik di mana keseluruhan jentera Kerajaan digembleng dan dijuruskan kepada usaha-usaha meningkatkan taraf hidup rakyat di samping menjamin keamanan, kesejahteraan dan keselamatan awam.

Jentera pentadbiran Kerajaan memainkan peranan yang penting dalam merealisasikan aspirasi negara menerusi pelaksanaan secara berkesan segala dasar, program dan projek kerajaan. Keupayaan perkhidmatan awam memberikan perkhidmatan yang bermutu dan berwibawa perlulah dipertingkatkan sealiran dengan perkembangan-perkembangan yang pesat berlaku di dalam atau di luar negeri. Ini memerlukan perubahan-perubahan yang boleh meningkatkan produktiviti dan keberkesanan perkhidmatan awam dalam menghadapi cabaran-cabaran pembangunan negara.

Dengan itu wujudlah penswastaan sebagai penjana utama ke arah kejayaan kerajaan mentadbir perkhidmatan awam dengan lebih terarah dengan hala tuju yang betul. Meskipun begitu kita perlu akur bahawa tidak semua polisi akan mendatangkan kesan buruk mahupun yang terbaik. Terpulanglah kepada masyarakat itu sendiri untuk mengadaptasikan diri mereka terhadap konsep yang dikatakan tadi.

Di dalam sektor kesihatan pula kita melihat bahawa kehadiran penswastaan adalah amat perlu supaya perkhidmatan yang diberikan adalah yang terbaik serta memuaskan keperluan dan kehendak manusia.

Perlu diingat bahawa masyarakatlah yang mendominasikan serta menentukan kejayaan sesuatu polisi itu memandangkan negara kita mendaulatkan demokrasi di dalam sistem pemerintahan.

BAB 1

PENGENALAN KAJIAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Y.A.B Perdana Menteri dalam ucapan perasmian persidangan “The Securities Industry in Malaysia” pada 28 April 1984 menyatakan “... *Government the world over are notorious for inefficiency within running enterprises, even when aided by monopoly and the authority of Government. On the other hand, the private sector is better motivated and generally more efficient. It is hoped that privatisation will improve the economic and general performance of the service, resulting in a more rapid growth of the nation as a whole*” (Mahathir Mohamad: 1984)¹

Secara umumnya, penswastaan ialah pemindahan kuasa dan fungsi daripada sektor kerajaan kepada sektor swasta. Penswastaan atau ‘privatisation’ mempunyai makna yang bertentangan dengan ‘Nasionalisme’.

Cadangan kerajaan menswastakan perkhidmatan kesihatan akan pasti menyebabkan bayaran rawatan kesihatan akan dinaikkan. Fakta ini telah diakui sendiri oleh Ketua Pengarah Jabatan Kesihatan, Tan Sri Dr. Abu Bakar Sulaiman. Menurut Kementerian Kesihatan, cadangan pengkorporatan perkhidmatan kesihatan telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-7 (1996-2000) yang disebut sebagai tindakan untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan mengekalkan tenaga kerja yang berkelayakan dan berpengalaman. Ini dijelaskan sebagai mengurangkan peranan kerajaan dalam penyediaan perkhidmatan kesihatan dan menambahkan fungsinya dalam peraturan dan penguatkuasaan.

¹ Ucaptama Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam Persidangan **The Securities Industry In Malaysia** Rujukan Laman Web: <http://www.mampu.gov.my/Publications/Buku/AlafBaru/Bab6/Bab6-2.htm>

BAB 2

KAJIAN LITERATURE

Menurut Syed Mohamed Aljunid⁴ secara abstraknya, peningkatan kos perkhidmatan kesihatan yang dihadapi secara global sekarang ini disebabkan oleh kedua-dua faktor permintaan dan penawaran. Peningkatan penduduk dunia, transisi demografi, penuaan populasi dan permintaan pengguna yang meningkat akibat dari perkembangan teknologi maklumat merupakan faktor permintaan yang berperanan meningkatkan kos. Perkembangan tenaga manusia dan kemudahan kesihatan, peningkatan taraf kemudahan kesihatan yang sedia, perkembangan teknologi baru dan pembaziran akibat interaksi di antara sektor awam dan swasta yang tidak dikordinasikan dikenal pasti sebagai faktor penawaran yang menyumbang kepada peningkatan kos.

Sebagai tindakbalas kepada peningkatan kos, usaha dijalankan oleh penggubal polisi untuk mendapatkan sumber pembiayaan perkhidmatan kesihatan yang baru. Cukai yang menjadi sumber tradisional bagi membiayai perkhidmatan kesihatan ternyata gagal dipertahankan dikebanyakan negara. Sumber-sumber lain yang dikenalpasti termasuklah caj negara, insuran kesihatan, pembiayaan oleh masyarakat dan majikan melalui organisasi penyelenggaran kesihatan.

Di kebanyakan negara membangun, pihak kerajaan dan swasta kerap sama-sama memberikan perkhidmatan kesihatan kepada anggota masyarakat. Pada masa dahulu perkhidmatan kesihatan kerajaan lebih dominan dan perkhidmatan kesihatan swasta cuma memberikan tumpuan kepada segelintir kelompok masyarakat yang mampu dan biasanya tertumpu di bandar-bandar. Pertumbuhan negara yang pesat serta dasar penswastaan yang diperkembangkan di banyak negara-negara membangun